



**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY**

Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



Ruj Kami : PWN. SEL.600-5/3/6 (12)
Tarikh : 27 Zulkaedah 1443H
27 Jun 2022

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI
SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB NEGERI**

YB Dato' / YBhg. Dato' / YBrs. Dr. / Tuan / Puan

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 5 TAHUN 2022:
PERUBAHAN KADAR CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(KWSP) DARI 9% KEPADA 11% (CARUMAN PEKERJA) DI SISTEM ISPEKS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Menteri Kewangan dalam pembentangan Bajet Tahun 2022, tempoh pengurangan kadar minimum caruman Kumpulan Wang Simpanan Simpanan Pekerja (KWSP) dari 11% kepada 9% dilanjutkan sehingga bulan Jun 2022. Selepas tempoh tersebut, kadar minimum caruman KWSP akan kembali kepada 11%. Perubahan ini perlu diambil kira dalam gaji mulai bulan Julai 2022.

3. Untuk makluman, perubahan kadar KWSP dari 9% kepada 11% (caruman pekerja) akan dibuat secara auto (skrip) yang akan mengemas kini data di fail induk kakitangan di ISPEKS. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan/PTJ diminta untuk membuat semakan lanjut di fail induk kakitangan yang terlibat sebaik sahaja perubahan gaji bulan Julai dibenarkan. Sekiranya Jabatan/PTJ mendapati terdapat pegawai yang masih belum dikemaskini dengan kadar yang baru pada maklumat di fail induk, pihak Jabatan/PTJ hendaklah mengambil tindakan untuk mengemas kini kepada kadar 11% dalam perubahan gaji di Skrin Kew.320 di Modul PY.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' / YBhg. Dato' / Ybbs. Dr. / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. SHAHRIL BAHRIM) C.A(M),FCMA,CGMA
Bendahari Negeri
Selangor Darul Ehsan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 09769